

BAB 2

PENGARANG DAN PEMIKIRAN POLITIK

2.0 PENDAHULUAN

Dalam bab ini beberapa perspektif berkaitan pemikiran politik akan dibentang dan dikupas secara keseluruhan dari pelbagai sudut tentang kewujudannya dalam teks kajian. Pengertian pemikiran politik sebagaimana yang diterangkan dalam bab satu; merupakan suatu idea yang berhubung-kait dengan cita-cita politik individu pra merdeka yang dipancarkan melalui novel dengan tujuan untuk menggantikan sistem pemerintahan penjajah. Dalam konteks kajian “cita-cita politik individu” adalah merujuk kepada pengarang teks kajian iaitu Ahmad Boestamam atau Ruhi Hayat¹² yang menjadikan novel sebagai saluran untuk mengetengahkan mesej nasionalisme, anti-kolonialisme dan sosialisme - apa yang dikatakan sebagai pemikiran politik tersebut.

¹² Nama ini digunakan sebagai pengarang teks kajian sebanyak tujuh buah novel iaitu *Gelap Menjelang Terang* (1956), *Lorong Seribu Liku* (1964), *Garis Hitam Membelah Langit* (1966), *Sorong Makan Tarik Makan* (1966), *Konfrontasi* (1967), *Ali Sastro* (1968) dan *Rumah Kaca Digegar Gempa* (1969). Walau bagaimanapun, nama Ahmad Boestamam akan digunakan merujuk kepada novel-novel tersebut.

Untuk menjelaskan persoalan ini, analisis akan tertumpu kepada tiga bahagian utama yang berlandaskan tiga sub tajuk penting iaitu:-

- i Korelasi pengarang dengan pemikiran politik
- ii Huraian konsep
- iii Pemikiran politik dalam novel

Ketiga-tiga sub tajuk di atas ada hubung-kait di antara satu dengan yang lain bagi memperlihatkan gambaran secara holistik terhadap pemikiran politik dalam novel-novel Ahmad Boestamam. Kebulatan fokus amat penting dalam kupasan dan huraian supaya kehadiran pemikiran politik itu dapat dibuktikan baik melalui unsur-unsur kuantitatif mahupun kualitatif. Oleh itu, teks sosial dan teks kajian menjadi keutamaan sebagai sumber rujukan kerana ia berfungsi untuk mengukuh dan menyokong hujah. Sebab itu latar belakang pengarang, takrifan konsep nasionalisme, anti-kolonialisme, sosialisme serta analisis kuantitatif terhadap pemikiran politik wajar dibincangkan terlebih dahulu sebelum membuat analisis lanjut mengenai topik kajian ini.

2.1 KORELASI PENGARANG DENGAN PEMIKIRAN POLITIK

Pemikiran politik yang terkandung dalam teks kajian mustahil dapat dimanifestasikan sekiranya pengarang tidak terbabit dalam episod sejarah perjuangan kemerdekaan negara, proses penentangan penjajahan atau bukan seorang tokoh politik. Bagi pengkaji, kelahiran pemikiran politik dalam teks kajian tersebut berpunca dari sebab dan akibat yang terakam

dalam sanubari pengarang itu sendiri. Gelojak rasa sanubari pengarang adalah *catalyst* kelahiran sesebuah karya sastera. Dalam konteks ini Othman Puteh menegaskan:

Pengarang mencipta karyanya dengan mengambil model dan satu subjek ceritanya dari persekitaran kehidupan itu sendiri. Jelas cereka naratif itu dicipta bukan merupakan imaginasi semata-mata. Ia diperoleh berdasarkan pengalaman dari penemuan, percubaan dan pengamatan. Pengalaman batin yang tentunya tidak terungkai dari jagat empiris pengarang. Cuma kemudiannya, dunia empiris itu merayap ke dalam pengalaman batin pengarang, mengheningjernih dan memendap dalam dirinya melalui proses dan baru kemudiannya lagi diungkapkan melalui daya kreatifnya (dlm Mana Sikana 1997: 71).

Lantaran pengarang yang memiliki pelbagai jenis pengalaman terutama yang bersabit dengan sejarah politik tanah air telah memanipulasikan pengalaman itu sebagai satu subjek cerita yang diangkat dari persekitaran kehidupannya. Ahmad Boestamam memang dikenali dalam sejarah politik tanah air sebagai tokoh politik berhaluan kiri. Tafsiran kiri membawa pelbagai makna mengikut perspektif golongan tertentu yang boleh dirumuskan sebagai *anti-establishment*. Namun demikian pengertian kiri digunakan merujuk kepada puak-puak atau kumpulan-kumpulan yang berlainan aliran dalam satu-satu pertubuhan meskipun puak-puak ini semuanya mempunyai matlamat yang satu dan menghayati ideologi yang sama (Nidzammuddin Sulaiman 1983:28).

Justeru gerakan kekiran yang dilibati pengarang menunjukkan beliau tidak menyenangi penjajah malah tidak pula sependapat dengan golongan kanan yang dianggotai oleh puak elitis dan kaum feudal. Sifatnya yang tegas dan teguh berpegang kepada prinsip perjuangan dengan berslogarkan “Merdeka dengan Darah” melalui *Angkatan Pemuda Insaf*

(API)¹¹ menggambarkan semangat nasionalisme yang sentiasa bergelanjak dalam sanubarinya.

2.1.1 Latar Belakang dan Pendidikan

Ahmad Boestamam dilahirkan pada 30 November 1920 di Kampong Behrang Ulu, lapan kilometer dari Tanjung Malim, Perak. Beliau mendapat pendidikan awal sekolah Melayu di kampung tersebut sehingga darjah lima. Pada tahun 1933 menyambung pelajaran di *Anderson School*, Ipoh. Beliau gagal dalam peperiksaan *Junior Cambridge* di sekolah itu tetapi menebus kegagalan tersebut kira-kira dua dekad kemudian dengan lulus *Qualifying Test* bagi melayakkannya mengambil peperiksaan *Oversea Senior Certificate* dan seterusnya berjaya pula dalam peperiksaan *Highest School Certificate*. Kesemua peperiksaan itu dihadapinya semasa dalam tahanan *Internal Security Act* (ISA) sekitar tahun 1963 – 1967 dengan belajar sendiri.

Setelah dibebaskan daripada tahanan ISA, pada tahun 1968 Ahmad Boestamam pergi ke England menuntut ilmu undang-undang di *Lincon's Inn*, London tetapi patah di separuh jalan. Namun begitu beliau berjaya membawa segulung diploma kewartawanan daripada *Premier Journalist School*, London sekembalinya ke tanah air pada bulan November 1969 pasca rusuhan 13 Mei.

¹¹ Dalam gerakan sulit API dikenali di kalangan anggotanya sebagai "Angkatan Penghalau Inggeris" – wawancara Pengkaji dengan Encik Abdul Salam Haji Ismail 80 tahun (bekas anggota API dan PKPM juga merupakan rakan seperjuangan Ahmad Boestamam) di rumah beliau iaitu di Kampong Batu Masjid, Temoh Perak pada 24 Mac 2002.

2.1.2 Penglibatan dalam Dunia Kewartawanan dan Politik

Penceburan Ahmad Boestamam dalam dunia penulisan pada peringkat **awal** menjurus kepada arena kewartawanan. Ketika usianya 15 tahun (sewaktu menuntut di Anderson School -1934) beliau sudah menulis rencana untuk akhbar *Saudara* yang diterbitkan di Pulau Pinang. Setelah berhenti sekolah, beliau menjadi wartawan *Saudara* (1939) tetapi pada pertengahan tahun itu beliau bertukar kerja menjadi penolong **pengarang** merangkap penterjemah di akhbar *Warta Kinta* kepunyaan Raja Abdullah di Ipoh.

Namun setelah bekerja di akhbar itu selama enam bulan Ahmad Boestamam berpindah lagi ke akhbar *Majlis* pimpinan Ibrahim Haji Yaakob (Pemimpin Kesatuan Melayu Muda- KMM) di Kuala Lumpur. Sewaktu di *Majlis* beliau secara tidak langsung terdedah dengan idea politik kiri yang menentang penjajahan British melalui **KMM** sekaligus diperkenalkan dengan konsep *Melayu Raya*¹⁴ dan ini ternyata sekali bersesuaian dengan cita-citanya seperti apa yang ditegaskan berikut:

Sekarang bermulalah hidup saya sebagai seorang yang bergiat dalam organisasi politik, sebagai seorang aktivis politik. Menerusi diskusi-diskusi saya mula mendalami pengertian tentang nasionalisme, tentang apa yang dikatakan parti politik, tentang huraihan organisasi yang sebenarnya, tentang apa yang dikatakan kolonialisme atau penjajahan, tentang imperialisme... (Ahmad Boestamam 1978: 15)

Kefahaman terhadap idealisme politik; nasionalisme, kolonialisme, sosialisme atau konsep negara bangsa berpunca daripada pembacaan, pergaulan malahan pekerjaannya sebagai wartawan di *Majlis* serta penglibatannya dalam KMM. Ahmad Boestamam **adalah**

¹⁴ Melayu Raya dasearkan atas konsep cinta tanah air yang dipunyai oleh bangsa Melayu. Tujuannya menjadikan bangsa itu memiliki suatu kewaspadaan yang berdaulat serta suatu bengkuang yang bermerah. Skop kawasannya meliputi Indonesia, Semenanjung Tanah Melayu, Singapura, Selatan Thailand dan Filipina.

ulat buku yang membaca bukan sahaja buku-buku sastera, sejarah tetapi politik. Bahankahan bacaan itu membentuk pemikiran politiknya. Umpamanya buku G.D.H. Cole, *Economic Planning*, dan Adolf Hitler, *Mein Kampf* menimbulkan kesedarannya terhadap pembelaan kepada rakyat tertindas dan terjajah (Ahmad Boestamam 1978: 15).

Ketika bekerja di *Majlis* juga Ahmad Boestamam mula memperlihatkan kegusarannya terhadap kerajaan British. Melalui artikel, beliau bebas bersuara dengan lantang mempersoalkan isu-isu politik, ekonomi dan sosial bangsa Melayu. Misalnya, menghalang kemasukan orang luar (*Majlis*, 14 Mac 1940); meningkatkan taraf pendidikan bangsa Melayu (*Majlis*, 17 Januari 1940); menentang penggunaan nama British Malaya (*Majlis*, 6 Februari 1940); bantahan terhadap kemasukan orang asing yang menjelaskan kedudukan politik dan pekerjaan bangsa Melayu (*Majlis* 14 Mac 1940) malah beliau mula menonjolkan sikap keMelayuannya iaitu dengan menyokong konsep Melayu Raya yang dipopularkan oleh KMM. Katanya "...hubungan yang sebangsa sedarah, seadat resam yang senasib, oleh yang demikian tidaklah syak lagi bahawa kita semuanya ialah satu iaitu bangsa Melayu yang mengandungi kira-kira 65 juta penduduk" (*Majlis*, 9 Januari 1940).

Kesedaran terhadap pembentukan sebuah negara bangsa ini selari dengan pembacaan daripada buku-buku Indonesia yang membangkitkan semangat kebangsaan yang tinggi di sanubarinya. Sesungguhnya, tiang seri nasionalisme Ahmad Boestamam terpacak di akhbar *Majlis* dan tidak hairanlah ada setengah pendapat mengatakan akhbar itu telah memberikan satu tapak baru yang lebih kukuh dalam bidang kewartawanan dan kegiatan politik beliau (Ramlah Adam 1994: 25).

Walaupun akhbar *Majlis* dianggap sebagai tapak baru kegiatan politik dan kewartawanan tetapi Ahmad Boestamam tidak kekal lama bekerja di situ sebaliknya kembali semula ke akhbar *Warta Kinta* yang beribu pejabat di Ipoh. Kali ini akhbar berkenaan dimiliki Raja Nordin dan beliau ditugaskan sebagai penulis rencana pengarang dan rencana bebas (Ramlah Adam 1994:29). Namun beliau tidak lama di *Warta Kinta* atas sebab gaji yang kecil.

Apabila bekerja di akhbar *Utusan Melayu* Singapura (1941) semangat untuk berpolitik kian berkembang kerana dorongan Ishak Haji Muhammad (Pak Sako) yang juga wartawan *Utusan Melayu* dan pernah menjadi Setia Usaha Agung *Kesatuan Melayu Singapura* (KMS) pada tahun 1940. Melalui Ishak Haji Muhammad, beliau ditarik menyertai KMS lalu berpeluang bergaul dengan cerdik pandai Singapura.

Sesungguhnya, tokoh-tokoh wartawan dan nasionalis Melayu seperti Ibrahim Haji Yaakob, Abdul Rahim Kajai (Ketua Pengarang *Utusan Melayu*), Ishak Haji Muhammad dan A Samad Ahmad (pengarang akhbar *Majlis*) banyak mendedahkan beliau tentang realiti politik Tanah Melayu. Dengan itu, Ahmad Boestamam dapat digolongkan sebagai pejuang politik awal di Tanah Melayu (Ramlah Adam 1994:17).

Beliau meninggalkan *Utusan Melayu* apabila ditawarkan bekerja oleh Ibrahim Haji Yaakob dengan akhbaranya; *Warta Malaya* di Kuala Lumpur sebagai penulis khas. Di samping bertugas sebagai wartawan di akhbar ini beliau juga dilantik menjadi Penolong Setia Usaha KMM. Malangnya menjelang Perang Dunia Ke-2 iaitu pada 7 Disember 1941 beliau dan beberapa tokoh KMM (Ibrahim Haji Yaakob, Ishak Haji Muhammad dan Sutan

Djenain) ditahan di bawah ISA oleh British atas dakwaan menentang kerajaan dan dibebaskan pada 15 Februari 1942.

Penangkapan ini bukan sekadar mengiktiraf Ahmad Boestamam sebagai aktivis politik yang anti-kolonialisme tetapi ada hikmah baginya kerana berpeluang membaca buku-buku dari perpustakaan penjara yang agak lengkap. Menurutnya, banyak buku terutama mengenai politik, biografi pemimpin dunia dan novel (Sidek Jamil 1979) dibacanya bagi menambah pengetahuan. Perluasan pembacaan itu melebarkan semangat nasionalisme, anti-kolonialisme dan sosialisme dalam jiwanya.

Sewaktu era pemerintahan Jepun (1942-1945), Ahmad Boestamam bertugas dengan Jabatan Propaganda Jepun (*Sesden Ka*) yang berpejabat di Ipoh sebagai pegawai penapis filem, akhbar dan cerita bangsawan Melayu (Ramlah Adam 1994: 44). Walaupun pada hakikatnya beliau menentang penjajahan tetapi dengan bekerja di sini dilihat beliau seolah-olah lari daripada prinsip asal perjuangannya iaitu anti-kolonialisme. Namun baginya tindakan tersebut merupakan strategi politik semata-mata. Tegas beliau;

Saya merestui kedatangan Jepun ke Malaya kerana sebagaimana Sukarno dan Chandra Boes, saya berpendapat untuk menghalau musuh utama, iaitu penjajahan Inggeris saya bersedia untuk bekerja sama dengan sesiapa pun, bahkan dengan hantu dan jin sekalipun (Ahmad Boestamam 1978: 15)

Ini jelas terbukti sepanjang tempoh bertugas di *Sesden Ka* beliau menubuhskan pakatan sulit, *Gerakan Kiri Tanah Air* (KITA) pada tahun 1944 bersama-sama Dzulkifli Ownie, Haji Ramli Said dan Mokhtar Al Bakri yang ada hubungan dengan *Malayan People Anti Japanese Army* (MPAJA). KITA berselidung di sebalik nama *Barisan Pemuda Melayu*

(BPM). Antara kegiatanya mengadakan latihan ketenteraan – langkah persiapan bagi menentang Jepun. Semasa di *Sesden Ku*, beliau turut bekerja sebagai pengarang *Berita Perak* di bawah pimpinan Ahmad Murad Nasaruddin di Ipoh (Abd. Rahman Md. Yusuf 1977: 43) yang dimodali Jepun.

2.1.3 Sebagai Nasionalis Melayu

Ahmad Boestamam pengagum Sukarno turut terbabit dalam penubuhan *Kesatuan Rakyat Indonesia Semenanjung* (KRIS) pada tahun 1945 yang bercita-cita untuk membebaskan Tanah Melayu (Malaysia) dari cengkaman penjajah. KRIS sebagai *platform* tokoh nasionalis Melayu termasuk Ibrahim Haji Yaakob dan Dr Burhanuddin Al Helmi untuk memerdekakan Tanah Melayu serentak dengan Indonesia serta menujuhkan sebuah negara kesatuan bernama *Melayu Raya*. Namun strategi politik ini gagal menjadi kenyataan¹⁵.

Kegagalan KRIS mengistiharkan kemerdekaan Tanah Melayu menyebabkan British bertindak menguasai keadaan, sekaligus menduduki semula negara ini. Nasionalis-nasionalis kiri termasuk Ahmad Boestamam tidak berupaya membendung suasana. Inggeris kembali memerintah Malaya. Sewaktu awal era pemerintahan British ini, beliau bekerja pula dengan akhbar harian *Suara Rakyat* di Ipoh. Menerusi akhbar berkenaan, Ahmad Boestamam menghentam Inggeris sekeras-kerasnya kerana menindas rakyat Malaya.

¹⁵ Pada 12 Ogos 1945 Dr Burhanuddin Al Helmi dan Ibrahim Hj. Yaakob mewakili KRIS mengadakan pertemuan dengan Sukarno dan Dr Idrus dari Indonesia di Taiping bagi membincang untuk mengistiharkan kemerdekaan Tanah Melayu dan Indonesia serentak pada 17 Ogos 1945. Rancangan ini gagal kerana tiga hari sebelum tarikh penstiharan kemerdekaan akan diumumkan, Jepun secara tiba-tiba terpaksa menyerah kalah kepada kuasa Berikat pada 14 Ogos 1945 kerana Nagasaki dan Hiroshima dimusnahkan oleh serangan dua butir bom atom Amerika Syarikat (6 dan 9 Ogos 1945). Akibat penyerahan Jepun telah memberi peluang British menduduki Tanah Melayu semula. Meskipun Sukarno meneruskan rancangan, Dr Burhanuddin tidak dapat berhuat demikian untuk Tanah Melayu kerana kumpulan-kumpulan yang menentang Jepun telahpun menguasai keadaan.

Pejabat akhbar ini telah mencatatkan sejarah tersendiri apabila idea penubuhan *Parti Kebangsuan Melayu Malaya* (PKMM) atau PEKEMAM tercetus. PKMM yang ditubuhkan pada 17 Oktober 1945 merupakan organisasi politik pertama di Tanah Melayu (Zabidin Ismail 2000: 31) – sebuah pertubuhan bertujuan menentang penjajahan Inggeris serta bergerak aktif ke arah kemerdekaan Malaya dan Ahmad Boestamam adalah salah seorang pengasasnya.

Pembabitan beliau dalam politik partisan kian menonjolkan ketokohnanya terutama sesudah mengasaskan dan menetuai API sebagai sayap pemuda PKMM bergandingan dengan sayap wanita; *Angkatan Wanita Sedar* (AWAS) pimpinan Shamsiah Pakeh. API lima bulan selepas penubuhan PKMM menjadi sebuah parti politik yang berdiri sendiri, aktif dan keras menentang Inggeris (Ruh Hayat 1967:12).

Sewaktu memimpin API, Ahmad Boestamam sempat menulis buku *Testament Politik Api* yang mempamerkan sikap keras dan tegas, tidak mahu berkompromi dan tunduk dengan Inggeris terutama dalam soal kemerdekaan tanah air. Ini menyebabkan buku itu diharamkan dan mahkamah menjatuhkan hukuman sembilan bulan penjara atau denda sebanyak RM1400.00. Beliau membayar denda itu (Ruh Hayat 1967:12). Semangat antikolonialisme yang menyeliputi API menyebabkan parti itu diharamkan oleh British pada akhir tahun 1947 (Ahmad Boestamam 1979: 44).

Sebelum itu, pada bulan Januari 1946 British melalui Harold Mac Micheal memperkenalkan gagasan Malayan Union (MU) bertujuan menjadikan Tanah Melayu sebagai sebuah jajahan takluk Inggeris. Orang Melayu dari segenap lapisan masyarakat bangun menentang gagasan tersebut yang diketuai Dato' Onn Jaafar melalui *United Malays*

National Organization (UMNO) dan ia berjaya ditumpaskan dan British beralih dengan cadangan pembentukan Persekutuan Tanah Melayu (PTM). Dalam suasana kemelut politik ini, Ahmad Boestamam bersama-sama nasionalis-nasionalis Melayu berusaha menyatukan badan-badan berhaluan kiri dengan menubuhkan *Pusat Tenaga Rakyat* (PUTERA) serta mengemukakan kepada British apa yang dinamakan sebagai “Perlembagaan Rakyat” (PR) sebagai alternatif terhadap penubuhan PTM yang dibangkang mereka.

Namun PR ini ditolak oleh Inggeris sebaliknya pada tahun 1948 penajah itu tegar menubuhkan PTM yang berkonsepkan *federalisme* dan kemudiannya pada 28 Jun tahun berkenaan darurat diistiharkan di negara ini. Semua parti politik berhaluan kiri termasuk PKMM diharamkan. Pemimpin-pemimpinnya ditahan di bawah Undang-undang Darurat dan Ahmad Boestamam tidak terkecuali yang ditangkap pada 1 Julai 1948 (Rubi Hayat 1967: 12). Prinsip perjuangan berasaskan nasionalisme dan anti-kolonialisme sekali lagi diuji. Beliau pasrah mengekang ujian itu.

2.1.4. Mencipta Nama dalam Dunia Sastera Tanah Air

Dalam tahanan (1948-1955) jiwa seninya mula berputik. Tujuh tahun malam memanjang digunakan untuk menghasilkan karya sastera. Justeru dalam tempoh tahanan itu, beliau sempat menulis cerpen yang dikirimkan melalui seorang warden bernama Yusuf (Ahmad Boestamam 1979: 48) ke ruangan sastera *Utusan Zaman* yang dikendalikan oleh Tongkat Warrant (Sasterawan Negara Usman Awang). Menulis cerpen dan novel merupakan kegiatan utama semasa dalam tahanan selain membaca. Antara novel yang dihasilkan dari dalam penjara ialah *Hayati* (1958) dan *Kabus Pagi* (1958). Namun kerana penahanan getir inilah juga yang telah mengajarnya memantapkan kefahaman terhadap

nasionalisme, anti-kolonialisme dan sosialisme. Buktinya seperti yang dinyatakan dalam artikel beliau berjudul “Dari Nasionalis ke Sosialis” berikut:

Pendeknya dapatlah saya katakan bahawa penahanan saya selama tujuh tahun ini telah memperkuatkan lagi keyakinan saya pada nasionalisme, sosialisme dan anti-kolonialisme. Dan dengan keyakinan yang kukuh dan teguh inilah saya menubuhkan Parti Rakyat Malaya dalam tahun 1955 (11 November) atau kira-kira 5 bulan saja setelah dibebaskan (*Sarina*, Februari 1978: 19)

Pengakuan yang dibuat Ahmad Boestamam ini jelas menggambarkan nasionalisme, anti-kolonialisme dan sosialisme memang wujud di dalam sanubari dan pemikiran politik inilah yang diterjemahkan dalam genre novel. Kehidupan berpolitik yang dilingkungi dengan idealisme tersebut turut terbukti apabila tertubuhnya Parti Rakyat Malaya (PRM) yang menyerlahkan pegangan politik sosialisme kerana parti politik tersebut menganut fahaman sosialis secara *total*.

Kecenderungan terhadap sosialisme kian melebar apabila terbentuknya *Front Sosialis Rakyat Malaya* (FSRM) yang mengabungkan PRM dan Parti Buruh Malaya dan beliau merupakan pengurus yang pertama. Kemudian atas tiket FSRM Ahmad Boestamam memenangi kerusi parlimen Setapak dalam Pilihanraya Umum Pertama (1959).

Pada ketika tempoh perkhidmatannya sebagai wakil rakyat masih berbaki setahun beliau sekali lagi ditahan di bawah ISA (1963-1967) bersabit dakwaan menyokong pemberontakan Parti Rakyat Brunei kerana PRM mempunyai hubungan erat dengan parti tersebut. Sekali lagi beliau berjinak kembali menghasilkan karya sastera ketika dalam tempoh tahanan itu. Beliau menulis novel. Antaranya *Merangkaklah Senja Menutup*

Pandangan (1964), *Putus Sudah Kasih Sayang* (1965), *Garis Hitam Membelah Langit* (1966), *Kembang Layu di Tangan* (1966), *Konfrontasi* (1967) dan *Sorong Makan Tarik Makan* (1966) (Ahmad Boestamam 1979:99-100).

Keprolifikan beliau menghasilkan novel telah meletakkan namanya di kalangan novelis penting selain Keris Mas, Shahnon Ahmad, Khadijah Hashim dan A Samad Ismail dalam era kegemilangan novel Melayu tanah air pada dekad 60-an (<http://dbp/2000/aisah:3>). Malah beliau disifatkan seorang politikus dan nasionalis yang banyak menggarap teks-teks politik dan dianggap sangat prolif dengan menghasilkan tidak kurang 16 buah novel (Mana Sikana 2000: 4)

Pandangan kedua-dua sarjana sastera itu meletakkan Ahmad Boestamam sebagai seorang novelis yang telah banyak menyumbangkan saham yang tidak ternilai dalam perkembangan sejarah novel Melayu khususnya novel-novel yang menjadi teks kajian.

2.2 TAKRIFAN KONSEP

Hipotesis kewujudan ketiga aspek pemikiran politik yang terkandung dalam novel-novel beliau memerlukan satu huraian konsep yang wajar diketengahkan dalam penulisan ini bagi menggambarkan secara jelas, terang dan nyata, baik yang tersirat maupun yang tersurat agar dengan cara itu kajian ini akan sampai pada suatu kesimpulan yang mantap.

Secara umumiahnya, konsep nasionalisme, anti-kolonialisme dan sosialisme akan dibincang-kupas berdasarkan pendekatan disiplin sains politik kerana rasionalnya istilah-istilah ini tergolong dalam bidang tersebut. Adalah tidak menjadi janggal pendekatan itu diguna-pakai kerana disiplin ilmu ini masih tergolong dalam bidang sains sosial yang turut juga dianggotai oleh disiplin sastera.

Gabungan kedua-dua disiplin ilmu ini atau bolehlah disifatkan sebagai pendekatan elektif yang dirasakan begitu berkesan sekali bagi menerbitkan kefahaman yang jitu terhadap konsep pemikiran politik sebelum pengkaji melangkah ke ruang analisis yang lebih mendalam di bab-bab seterusnya.

2.2.1 Nasionalisme

Istilah **nasionalisme** itu masih belum ada takrifan yang tepat dan lengkap. Kepayahan untuk mentakrifkannya barangkali disebabkan oleh sifatnya yang berbeza-beza dan berubah-ubah mengikut sejarah dan struktur sosial sesebuah negara. Perkataan Latin ini akarnya adalah *nation* yang berasal daripada aksara *natu* yang bermaksud *birth* atau *born* (Kapur A.C 1977: 65) yang membawa makna sekelompok manusia yang berketurunan atau rumpun yang sama.

Nation atau **bangsa** lazim juga dimengertikan sebagai manusia yang bermastautin di negerinya sendiri (Deutsh 1966: 17-18). Maka, dapatlah dikatakan bahawa *Nation* merupakan sekumpulan bangsa yang hidup dalam satu wilayah yang bertutur dalam satu bahasa serta memiliki sifat-sifat politik atau bercita-cita untuk berpolitik.

Hans Kohn dalam *The Idea of Nationalism* (1969:19) mentakrifkan nasionalisme sebagai satu pemikiran kenegaraan yang melibatkan sejumlah majoriti penduduk yang mengenali negara bangsa mereka sebagai satu bentuk organisasi politik yang menyifatkan kewarganegaraan sebagai sumber utama kepada semua budaya teknologi dan ekonomi manusia.

Manakala kesetiaan padu kepada negara bangsa adalah berdasarkan semangat kebangsaan demi kesejahteraan negaranya sendiri. Secara ringkasnya, nasionalisme bolehlah dikatakan suatu keadaan pemikiran yang membentuk sikap kesetiaan jitu warga terhadap negaranya.

Istilah nasionalisme juga boleh diertikan sebagai perasaan kecintaan yang mendalam bagi memelihara jati diri kebangsaan yang dapat dianggap sebagai satu ideologi sekumpulan manusia untuk memartabahkan kumpulan yang mereka anggotai. Justeru itu, Smith dalam *Nationalism in Twentieth Century* (1977:89) berpendapat bahawa nasionalisme adalah satu gerakan bersifat ideologi dalam mencapai, mengimbangi dan mencari kebebasan untuk memerintah sendiri serta setiap ahli membayangkan kumpulannya berpotensi menjadi satu bangsa yang bermaruah.

Pandangan Smith ini diperjelaskan lagi oleh Ramlah Adam dalam konteks tempatan (Malaysia) yang menyifatkan nasionalisme sebagai satu gerakan yang berorientasikan kepentingan politik dalam menuju pembentukan satu identiti kebangsaan (1998:109). Dalam konteks kajian ini, pandangan Smith dan Ramlah agak relevan dengan penyelidikan yang dilakukan terhadap pemikiran politik yang terkandung dalam novel-novel Ahmad Boestamam. Kefahaman mengenai konsep nasionalisme yang dijelaskan itu dapat

diaplikasikan dengan teori strukturalisme-semiotik bagi menganalisis fokus kajian. Tanpa kefahaman jitu terhadap pengertian beberapa istilah Sains Politik yang disebutkan seperti di atas, agak sukar sekali operasi mengenal-pasti pemikiran politik itu untuk dicerakinkan sebelum memasuki gerbang huraian analisis.

2.2.2 Anti-kolonialisme

Anti-kolonialisme adalah istilah jamak yang mengandungi dua aksara. Perkataan anti kata awalan yang bermaksud melawan, membantahi, menentang, tidak menyetujui (*Kamus Dewan* 1994:55). Justeru pengertian anti dirumuskan sebagai suatu tindak-tanduk yang bertentangan melalui cara fizikal mahupun *spiritual* terhadap individu, organisasi atau objek yang kontradik sifatnya.

Manakala kolonialisme pula bererti dasar atau amalan oleh sesebuah negara meluaskan penguasaannya ke atas sesebuah negara lain (*Kamus Dewan* 1994:694). Hal ini dapat difahami secara jelas berdasarkan pandangan Abdul Rahman Abdullah dalam *Pemikiran Islam Masa Kini: Sejarah dan Aliran* (1987:31) yang menyebut bahawa kolonialisme boleh dikatakan sebagai “ satu konsep mengenai penguasaan politik secara keseluruhan oleh kaum penjajah terhadap tanah jajahannya”. Antara lain maksud kolonialisme itu ialah tindakan penguasaan terhadap sistem politik, sosial dan ekonomi oleh penjajah ke atas sesebuah negara.

Daripada penjelasan tersebut, rangkai-kata anti-kolonialisme secara umumnya dapat digambarkan sebagai sikap individu atau kumpulan yang menentang atau memusuhi dasar atau amalan penjajah yang telah menjajahi dan menguasai sesebuah negara.

Anti-kolonialisme dalam konteks kajian ini dilihat suatu tindakan menentang kuasa penjajah iaitu Inggeris dan Jepun (Disember 1941-Ogos 1945) yang pernah menguasai negara ini pada zaman lampau. Dalam sejarah perkembangan novel-novel Melayu khususnya pada era pra dan pasca merdeka, tema anti-kolonialisme cukup diminati pengarang. Misalnya novel Ishak Haji Muhamad; *Putera Gunung Tahan* (1939) dan *Anak Mat Lela Gila* (1941) serta *Nyawa Di Hujung Pedang* (1946) karya Ahmad Murad Nasarudin adalah di antara novel Melayu yang amat tepu dengan anti-kolonialisme.

2.2.3. Sosialisme

Sosialisme melibatkan soal sosio-politik, budaya dan falsafah. Tetapi lebih dihubungkan dengan soal keadilan pengagihan nilai-nilai material. Landasan utama falsafah sosialisme ialah peranan penentu yang dimainkan oleh sistem pengagihan ekonomi dalam masyarakat (Syed Ahmad Hussein 1994:114). Sosialisme dengan erti lainnya ialah mengutamakan kebijakan masyarakat daripada kebijakan orang perseorangan.

Idea sosialisme ini bermula dari zaman manusia mula bermasyarakat. Satu sistem sama rata, tanpa harta milik sendiri dan kehidupan berkelompok dan berkongsi (Syed Ahmad 1994:116). Konsep tersebut menjelaskan bahawa idea sosialisme menganggap bahawa hak milik persendirian merupakan faktor utama ketidakadilan, kemiskinan dan mewujudkan penindasan oleh manusia terhadap manusia lainnya.

Justeru itu, sosialisme menganjurkan kepentingan negara itu adalah milik bersama terutama dari segi ekonomi. Contohnya, sistem ekonomi yang menindas perlu dihapuskan.

Ini bermakna sosialisme menolak sistem ekonomi kapitalis yang mementingkan keuntungan kepada kaum pemodal dan mengkesampingkan kesejahteraan ekonomi rakyat / pluralis.

Lantas idea sosialisme mencadangkan penghapusan sistem ekonomi-politik yang mengutamakan kepentingan individu (elitis) dan kumpulan kecil yang berkepentingan (kronisme) bagi membasmikan penderitaan dan kemiskinan rakyat melalui satu rangka yang lebih sama rata dan berteraskan konsep perkongsian bersama. Dalam konteks kajian, sosialisme dipancarkan oleh pengarang sebagai mendedahkan sistem ekonomi-politik alternatif yang dianggapnya mampu menyelesaikan masalah kemiskinan di kalangan rakyat marhaen.

2.3 PEMIKIRAN POLITIK DALAM NOVEL

Novel khususnya dicipta untuk menyampaikan sesuatu pemikiran kepada pembaca. Ia merupakan sebuah karya sastera terkandung di dalamnya sekian banyak amanat dan maksud, yang indah dan yang mencabar pembaca (A Rahim Abdullah 1995:ix). Justeru itu, karya seni ini mempunyai gagasan tersendiri semata-mata untuk difahami oleh masyarakat dan persekitarannya. Namun begitu, kata A.Teeuw (1995:23);

Karya sastera tidak mudah difahami secara ilmiah tanpa mengikutsertakan aspek kemasyarakatannya, iaitu tanpa memandangnya sebagai tindak komunikasi. Barangkali sastera bukanlah komunikasi biasa, dan mempunyai banyak segi yang aneh dan luar biasa kalau dibandingkan dengan tindak komunikasi lain; tetapi pemahaman gejala ini yang sesuai dan tepat tidak mungkin tanpa memperhatikan aspek komunikatifnya, atau dengan istilah lain tanpa mendekati sastera sebagai

tanda, *sign*, atau dengan istilah sekarang sangat luas dipakai, sebagai gejala semiotik.

Hakikat itu sejajar dengan pandangan John Lucas dalam *The Literature of Change* (1997:i) yang menganggap novel sebagai satu simptom sosial yang tidak dapat lari daripada memfokuskan fenomena masyarakat yang secara seninya bagi menetaskan buah-buah pemikiran.

Lazimnya pemikiran dalam novel diketengahkan melalui unsur tema dan persoalan yang sama ada berbentuk dialog atau deskriptif. Namun begitu, menerusi unsur-unsur dalaman, di sebalik penggunaan lambang atau imej, di situ juga wujud pemikiran tetapi ia memerlukan pemahaman yang lebih mendalam untuk memahaminya kerana pemikiran itu seakan-akan tersembunyi dan amat implisit sifatnya.

Berlandaskan tanggapan tersebut, tidak kurang pula pengarang menggunakan novel untuk melontarkan aspek-aspek pemikiran politiknya. Namun begitu pengkritik sastera secara umumnya menyifatkan bahawa pemikiran politik lazimnya ditemui di kebanyakan novel politik. Novel jenis ini dikatakan bersifat propaganda; tidak mementingkan estetika sebaliknya cukup dominan dengan pemikiran politik itu sendiri.

Tujuan pengarang lebih kepada menyebarkan pemikiran politiknya kepada pembaca, dengan harapan mesejnya sedaya mungkin dapat disebarluaskan serta difahami atau yang lebih afdal diperaktikkan. Walau bagaimanapun, bukan menjadi kesalahan pula bahawa novel bukan politik tidak wajar membicarakan persoalan atau bertemakan politik. Pendek kata persoalan politik boleh kedapatan di dalam semua jenis novel, tinggal lagi pokok-pangkalnya apakah isu politik itu mendominasi sesebuah novel itu ataupun tidak?

Sekiranya ia sarat mengandungi persoalan politik dengan memanipulatifkan plot tanpa *artistic* yang semata-mata berwatak “*to fit the thesis*” maka karya itu dipanggil novel politik. Justeru kajian terhadap sepuluh buah novel Ahmad Boestamam tidak mencerminkan kenyataan ini kecuali dua buah iaitu *Garis Hitam Membelah Langit* (1966) dan *Sorong Makan Tarik Makan* (1967).

Namun begitu yang jaran buah lagi, walaupun bukan dikatakan novel politik mengikut tafsiran Gordon Milne¹⁰ tetapi kehadiran pemikiran politik cukup menyakinkan kerana isu itu berselindung di sebalik tabir fiksyen. Manipulasi unsur-unsur intrinsik dalam kebanyakan novel Ahmad Boestamam telah diadun-olah begitu rupa sehingga dapat dikesani kewujudan pemikiran politik.

Dalam penelitian ini, Ahmad Boestamam menjadikan novel sebagai alat untuk berkomunikasi dengan masyarakat, telahan pula beliau merupakan seorang tokoh politik berhaluan kiri yang sewajarnya tidak melepaskan peluang dan ruang untuk memanfaatkan saluran itu sebagai jambatan gapaian cita-cita politiknya. Dengan bakat yang ada beliau cuba memanfaatkan bakat semula jadi dengan mengarap novel untuk menyalurkan mesej politik atau idealisme yang menjadi anutannya dalam arena politik tempatan.

Tambahan pula pengalaman berjuang di bidang tersebut sedikit-sebanyak telah diterapkan – menjadikan watak di dalam novel seolah-olah jelmaan daripada perwatakan pengarang sendiri. Contohnya seperti kisah yang berkisar dalam penjara, perjuangan menentang Jepun dan penubuhan parti politik adalah merupakan rentetan sejarah yang pernah dilalui oleh pengarang.

¹⁰ Lihat Bab 1 hlm 15-16

Kajian mendapati bahawa lontaran idealisme politiknya menerusi novel itu mencangkupi tiga aspek utama iaitu:

- i Nasionalisme (*Na*)
- ii Antikolonialisme (*Akol*)
- iii Sosialisme (*Sos*).

Pengkaji menamakan ketiga-tiga aspek pemikiran politik dalam novel-novel beliau sebagai *NAKOS* iaitu sengkatan daripada *Na+Akol+Sos*. *NAKOS* bermaksud gabungan nasionalisme, anti-kolonialisme dan sosialisme. Penciptaan kependekan perkataan ini bertujuan untuk meringkaskan istilah supaya mampu memudahkan proses penulisan dan pembacaan.

2.3.1 Analisis NAKOS dalam Novel-novel Ahmad Boestamam

Berdasarkan sepuluh buah novel Ahmad Boestamam yang diselidiki, persoalan sosio-budaya dan politik orang Melayu cukup terserlah dengan menampilkan mesej-mesej politik yang dibawa oleh pengarang. Dalam konteks kajian ini mesej politik juga disebut sebagai pemikiran politik. Pengkaji menganalisis pemikiran tersebut berdasarkan konsep gambaran dan wacana pengarang¹⁷. Ini bermakna pengkaji tidak mengutip istilah nasionalisme, antikolonialisme atau sosialisme sebagai unit analisis kajian kerana kaedah ini akan menyempitkan ruang penyelidikan dan penelitian. Bahkan jarang sekali pengkaji

¹⁷ Lihat Jadual 2.1 hlm 52

tersua istilah-istilah nasionalisme atau anti-kolonialisme kecuali sosialisme dinyatakan di dalam teks kajian.

Gambaran dan wacana pengarang ini dikutip dan dinilai berdasarkan tema, persoalan atau unsur-unsur intrinsik manipulatif yang terkandung di dalam sesebuah novel tersebut. Berasaskan gambaran / wacana pengarang, pengkaji cenderung mencerakinkan rasionaliti atau indikator yang bolch membantu mengenal-pasti kewujudan NAKOS daripada setiap halaman novel. Fungsinya adalah untuk menilai dan mengambarkan kehadiran, taburan serta peratus manifestasi pemikiran politik dalam setiap novel.

Kewujudan NAKOS dalam novel-novel Ahmad Boestamam memperlihatkan manifestasi kesedaran pengarang terhadap beberapa persoalan kontemporari seperti perjuangan kemerdekaan tanah air, patriotisme, serta cita-cita politik. Kesedaran ini digabung-jalin dengan sub-persoalan seperti krisis rumah tangga, sosio-budaya, moral atau ekonomi. Namun begitu ada juga novel Ahmad Boestamam menjadikan NAKOS sebagai sub-persoalan yang amat implisit sifatnya.

Untuk memudahkan penelitian terhadap NAKOS, apa yang perlu difahami ialah gambaran atau wacana pengarang mengenainya yang tersorok di celah-celah unsur-unsur intrinsik manipulatif. Tanpa memahami unsur-unsur intrinsik manipulatif seperti gaya penulisan, kchadirannya tidak akan disedari. Kadang-kadang terlalu abstrak kerana istilah nasionalisme tidak pernah dijumpai dalam teks kajian walaupun hanya sekali, apatah lagi anti-kolonialisme kerana kedua-dua mesej nasionalisme mahupun anti-kolonialisme itu telah diterjemahkan oleh pengarang dalam bentuk makna atau wacana, imej atau

lambang¹⁸. Namun begitu bagi mesej sosialisme kelihatan pengarang berterus terang walaupun kadang kala disampaikan secara instrinsik sifatnya tetapi kebanyakannya lebih nyata daripada tersurat¹⁹. Justeru itu bagi memudahkan kajian dan penelitian, rasionaliti atau indikator berfungsi sebagai alat bantuan mengenal-pasti kehadiran mesej-mesej nasionalisme, anti-kolonialisme ataupun sosialisme.

Melalui jadual 2.1 di halaman 52 dinyatakan wacana, makna, imej atau lambang melalui gambaran pengarang bagi menunjukkan kehadiran NAKOS dalam sepuluh novel Ahmad Boestamam.

¹⁸ Penjelasan terperinci dapat dilihat dalam bab 3 dan 4

¹⁹ Penjelasan terperinci dapat dilihat dalam bab 5

Jadual 2.1: Contoh wacana / gambaran simbolik pengarang terhadap aspek-aspek pemikiran politik dalam novel-novel Ahmad Boestamam

Aspek Pemikiran Politik Gambaran / Wacana Pengarang

<i>Nasionalisme</i>	Persoalan perjuangan kemerdekaan tanah air; elemen patriotisme; pembentukan negara bangsa; menonjolkan kemer-dekaan Indonesia; rangkai kata (contoh: “alangkah bahagianya hidup di negara yang telah merdeka” (<i>Kabus Pagi</i> :75); laungan “merdeka” (<i>Kabus Pagi</i> :60); memuja dan mengagumi tokoh-tokoh serumpun.
<i>Anti-kolonialisme</i>	Gerakan penentangan penjajah; ujaran atau kata-kata nista terhadap bangsa asing; memberi gambaran yang buruk terhadap penjajah melalui simbol.
<i>Sosialisme</i>	Penjelasan deskriptif makna sosialisme; pembentukan parti politik; perlakuan / tindakan pembelaan yang condong kepada golongan kelas bawahan (marhaen); anti-kapitalisme; membanggakan konsep sama rata dan sama rasa.

Setelah pencerakinan gambaran simbolik pengarang, kepentingan pembinaan beberapa buah lagi jadual atau rajah amat diperlukan bagi memperlihatkan taburan NAKOS yang terdapat pada halaman novel. Halaman yang dikenal-pasti mengandungi wacana politik itu akan dijadikan sebagai *sumber primer* dalam membincang dan menganalisis pemikiran politik dalam teks kajian. Tanpa bantuan jadual atau rajah,uraian analisis akan menjadi kabur dan penjelasan pula boleh terpesong dari landasan kajian.

2.3.1 Jumlah Halaman dan Taburan NAKOS

Kajian meliputi 1245 halaman yang termuat dalam sepuluh buah novel Ahmad Boestamam. Lihat jadual 2.2²⁰ menunjukkan taburan NAKOS yang terkandung di teks kajian. Jadual tersebut turut menyatakan judul novel serta mencatatkan nombor halaman yang dikesan mempunyai wacana pemikiran politik dengan mengasingkan mengikut aspek-aspek yang terdapat dalam NAKOS.

²⁰ hlm. 54

Jadual 2.2: Taburan NAKOS dalam novel-novel Ahmad Boestamam

Bil	Judul	Tahun Terbit	Jumlah Kete-balans	Halaman yang dikenal-pasti kewujudan NAKOS				Jum hlm
				Nasionalisme	Anti-kolonialisme	Sosialisme		
1.	<i>Gelap Menjelang Terang (Jawi)</i>	1956	72	8,10,15,16 32,33,48	7,9,10,15,16, 60,78,79	-	-	12
2	<i>Kabus Pagi (Jawi)</i>	1958	126	6,44,45,60, 81,82,83,85, 118	-	-	-	12
3.	<i>Pacar Merah Malaya</i>	1959	81	1,49,50,59, 61,75,76,79,80	1,2,3,4,8,13,14, 15,16,17,36,37, .43,44,46,47,48, 57,58	51,52,60	31	
4.	<i>Lorong Seribu Liku</i>	1964	124	6,7,31,32,83 84,124	-	31,32,42 63,64,65 68,69,70,71	17	
5.	<i>Garis Hitam Membelah Langit</i>	1966	250	124,130,132, 135,138,141, 142,143,144, 248	37,38	17,18,56,57, 141,143,144	20	
6.	<i>Konfrontasi</i>	1967	124	97,98,99,100, 101	-	-	-	5
7.	<i>Sorong Makan Tarik Makan</i>	1966	114	4,7,8,14,15,23, 27,58,60,61,62 .63,112	23,24	4,5,23,28,29 .3247,48,56 57,58,59,60, 61,62,79,80, 81,82	34	
8.	<i>Ali Sastro</i>	1968	96	5,6,36,37	39	-	-	5
9.	<i>Malam Tiada Berbintang</i>	1968	140	-	56,57	55	3	
10.	<i>Rumah Kaca Digegar Gempa</i>	1969	118	6,104,114,118	-	-	-	4
Jumlah			1245	65	37	41	143	

Berdasarkan fakta kuantitatif hasil penemuan melalui kaedah analisis isi kandungan menunjukkan kesemua novel yang dikaji memiliki aspek-aspek pemikiran politik walaupun terdapat tiga buah buah karya mengandungi hanya beberapa halaman sahaja (lihat Jadual 2.2). Ini dapat dilihat pada novel *Malam Tidak Berhinggap* (1968) dikesani wujud pemikiran politik pada tiga halaman; *Rumah Kaca Digegar Gempa* (1969) memiliki empat halaman manakala *Ali Sastro* (1968) cuma lima halaman sahaja berbanding novel *Sorong Makan Tarik Makan* (1966) sebanyak 34 halaman.

Jadual ini juga menggambarkan bahawa tidak semua novel memiliki NAKOS serentak sebaliknya ia digarap secara berpilih-pilih. Contohnya *Konfrontasi* (1967) dan *Rumah Kaca Digegar Gempa* (1969) hanya menonjolkan mesej nasionalisme kerana barangkali pemaparan lain-lain aspek pemikiran politik boleh mencacatkan tema. Sebaliknya pengarang cuba mengseimbangkan penampilan NAKOS dalam tiga buah novel iaitu *Sorong Makan Tarik Makan* (1966) sebanyak 34 halaman, *Pacar Merah Malaya* (1959) memiliki 31 halaman dan *Garis Hitam Membelah Langit* (1966) meliputi 20 halaman kerana relevan dengan tema. Manakala dalam *Sorong Makan Tarik Makan* (1966) temanya bulat tentang persoalan politik parti berhaluan kiri yang menentang *status quo* manakala patriotisme pula untuk *Pacar Merah Malaya* (1959).

Dalam pada itu, sorotan perbandingan taburan NAKOS digambarkan dengan jelas berpandukan jadual 2.3 di bawah ini yang dicerakinkan peratus kehadiran NAKOS dalam setiap novel.

Jadual 2.3 : Jumlah Halaman dan Peratus Kewujudan NAKOS dalam Novel-novel Ahmad Boestamam

Judul	Kete-balans	Jumlah Halaman dan Peratus Kewujudan NAKOS						
		Nasional-isme	%	Anti-Kolonial-isme	%	Sosial-isme	%	Jum.hlm dan % NAKOS
<i>Gelap Menjelang Terang (Jawi)</i>	72	4	6	8	11	-	-	12 (17)
<i>Kabus Pagi (Jawi)</i>	126	9	7	3	2	-	-	12 (10)
<i>Pacar Merah Malaya</i>	81	9	11	19	23	3	4	31 (38)
<i>Lorong Seribu Liku</i>	124	7	6	-	-	10	8	17 (14)
<i>Garis Hitam Membelah Langit</i>	250	10	4	2	1	8	3	20 (8)
<i>Konfrontasi</i>	124	5	4	-	-	-	-	5 (4)
<i>Sorong Makan Tarik Makan</i>	114	13	11	2	2	19	17	34 (30)
<i>Ali Sastro</i>	96	4	4	1	1	-	-	5 (5)
<i>Malam Tiada Berbintang</i>	140	-	-	2	1	1	1	3 (2)
<i>Rumah Kaca Digegar Gempa</i>	118	4	3	-	-	-	-	4 (3)

Dapatan peratus yang dipaparkan dalam jadual 2.3 menggunakan kaedah matematik

Jumlah Halaman Yang Mengandungi NAKOS X 100

Jumlah Halaman Novel

Jadual ini dapat menilai tahap peratusan serta jumlah halaman kehadiran NAKOS dalam setiap novel. Dengan berpandukan nilai peratusan dan jumlah halaman yang dipaparkan di dalam jadual tersebut, taburan aspek-aspek pemikiran politik dalam sesebuah novel dapat digambarkan dengan lebih jelas lagi. Umpamanya, novel *Pacar Merah Malaya* (1959) dikesan memiliki wacana pemikiran politik yang ketara sekali iaitu sebanyak 38% meliputi 34 muka surat daripada keseluruhan 81 halaman berbanding *Malam Tiada Berbintang* (1968) yang memaparkan hanya 2% di dalam 3 halaman daripada keseluruhan 140 halaman.

Statistik menunjukkan bahawa NAKOS tidak mendominasi dalam setiap novel. Misalnya *Garis Hitam Membelah Langit* (1966), walaupun dikatakan sebagai novel politik (A Kamal Abdullah 1992:236) tetapi dikesani kurang memancarkan wacana pemikiran politik. Aspek-aspek pemikiran politik yang ditonjolkan iaitu nasionalisme (4%), anti-kolonialisme (1%) manakala 3% bagi sosialisme meskipun novel ini dari awal hingga tamat mengisahkan jatuh bangun sebuah organisasi politik bernama Parti Demokrat. Memang benar novel tersebut mendominasi cerita politik yang berteraskan propaganda tetapi amat berbeza dengan *Pacar Merah Malaya* (1959) dan *Sorong Makan Turik Makan* (1966). Dalam *Pacar Merah Malaya* (1959) NAKOS diungkap sebanyak 38%, *Sorong Makan Tarik Makan* (1966) pula sejumlah 30%.

Sebaliknya, ada dua judul novel jelas berbau politik tetapi sebenarnya tidak mencerminkan kehadiran NAKOS. Ini dapat dilihat ke atas novel *Konfrontasi* (1967) yang mengambil sempena krisis politik antarabangsa; peristiwa konfrontasi Malaysia-Indonesia (1963) dan *Ali Sastro* (1968) yang menjelaskan semangat Sukarno bekas Presiden Indonesia yang pertama – seorang tokoh politik dan pemuka kemerdekaan negara itu yang dikagumi dan disanjungi pengarang (*Fikiran Rakyat*, 1 Mei 1957). Novel *Konfrontasi* (1967) mempamerkan hanya nasionalisme sebanyak 4% manakala *Ali Sastro* (1968) memaparkan nasionalisme (4%) dan anti-kolonialisme (1%).

Realiti taburan NAKOS dalam sepuluh buah novel Ahmad Boestamam seperti yang diuraikan di atas, dapat menonjolkan kehadiran dan pengenal-pastian pemikiran politik sebagai permulaan ke arah memasuki gerbang analisis yang lebih spesifik.

2.3.3 Peratus Manifestasi NAKOS

Proses menilai peratus manifestasi pemikiran politik dalam novel-novel Ahmad Boestamam memerlukan analisis ketat pada setiap muka surat. Dalam hal ini pengkaji meneliti dan mengnalisis setiap halaman bagi sepuluh buah novel yang berjumlah 1245 muka surat. Penemuan daripada analisis yang dilakukan itu berupaya merumuskan jumlah peratus manifestasi NAKOS sebagaimana yang ditunjukkan dalam jadual 2.4 di bawah ini.

Jadual 2.4 : Jumlah Peratus Keseluruhan NAKOS dalam Novel-novel Ahmad Boestamam

10 buah novel (1245 hlm)	Aspek-aspek Pemikiran Politik Dalam Novel-novel Ahmad Boestamam			
	Nasionalisme	Anti-Kolonialisme	Sosialisme	NAKOS
Jumlah Halaman	65	37	41	143
Jumlah Peratus	5%	3%	3%	11%

Jadual tersebut sengaja dikategorikan mengikut tiga aspek NAKOS berdasarkan manifestasinya pada halaman-halaman tertentu dalam bentuk fakta kuantitatif. Berasaskan data tersebut gambaran secara holistik dapat dilihat bahawa wujud perbezaan peratus dominasi di kalangan ketiga-tiga aspek pemikiran politik.

Berdasarkan Jadual 2.4, pengarang lebih menekankan aspek nasionalisme dalam karyanya berbanding anti-kolonialisme dan sosialisme. Sebanyak 65 halaman daripada 1245 jumlah muka surat dalam sepuluh teks kajian didapati memanifestasikan kira-kira 5% nasionalismc. Manakala aspek anti-kolonialisme pula sebanyak 37 halaman (3%) dan sosialisme cuma meliputi 41 halaman novel (3%). Secara keseluruhan NAKOS dimanifestasikan dalam 143 halaman novel iaitu kira-kira 11% sahaja.

Berasaskan data tersebut pemikiran politik yang terkandung dalam teks kajian tidak bersifat majoriti sebaliknya dianggap sebagai tempelan kepada tema atau persoalan sesebuah novel. Namun demikian, rasionalnya kerana karya seni itu dihasilkan atas landasan imajinasi, rekaan atau fiksyen yang mendorong pengarangnya untuk mengadun cerita dalam lingkaran nilai-nilai estetik sesebuah karya.

Justeru daripada dapatan peratusan tersebut, pengkaji dapat mengandaikan bahawa kebanyakan teks kajian tidak dapat dikategorikan sebagai novel politik kerana manifestasi pemikiran politik tidak dijadikan latar yang dominan kecuali dua buah novel iaitu *Garis Hitam Membelah Langit* (1966) dan *Sorong Makan Tarik Makan* (1966). Pengkaji lebih berat mengatakan bahawa lapan buah novel yang lain itu sebagai novel berunsur pemikiran politik pengarang.

2.4 KESIMPULAN

Aspek-aspek pemikiran politik dalam novel-novel Ahmad Boestamam mencakupi tiga idealisme politik iaitu nasionalisme, anti-kolonialisme dan sosialisme. Taburan dan peratus manifestasinya di dalam teks kajian berpilih-pilih berdasarkan tema novel. Walau bagaimanapun, nasionalisme merupakan aspek pemikiran politik yang agak menonjol dan diwacanakan dalam banyak novel berbanding anti-kolonialisme dan sosialisme. Ini kerana wujud korelasi kehidupan pengarang dengan teks kajian terutama berkaitan dengan nasionalisme yang sudah mendarah daging semenjak beliau menceburkan diri dalam dunia kewartawanan dan politik tanah air.